KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

# SIARAN MEDIA

## PROGRAM PKD MOBILE TAMPIN NEGERI SEMBILAN

---

1. Program PKD Mobile Tampin, Negeri Sembilan yang diadakan pada 16 hingga 17 November di Dewan Perdana Tampin ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Rubiah Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

2. Sebanyak 22 pempamer kaunter perkhidmatan dan kaunter bergerak daripada kementerian, GLC, agensi swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut mengambil bahagian dalam program ini. Jualan Rahmah Madani turut disediakan untuk pengunjung mendapatkan barang keperluan pada harga yang rendah ketimbang harga pasaran.

3. Selanjutnya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah membelanjakan sebanyak RM 22.8 juta menerusi peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat (ICT) di 191 buah Pusat Komuniti Desa (PKD) seluruh negara.

4. Peruntukan ini untuk menambah baik dan meningkatkan lagi kecekapan pengoperasian dan pengurusan PKD seiring dengan perkembangan semasa teknologi digital.

5. Perbelanjaan ini termasuk menaik taraf infrastruktur rangkaian capaian internet, perkakasan ICT dan alat bantuan mengajar di semua PKD seluruh negara. Selain itu, peruntukan ini turut

digunakan untuk menambah kemudahan latihan dan pembelajaran yang sebelum ini diadakan secara fizikal kepada persekitaran maya dan fizikal (mengikut kesesuaian program latihan) serta mengukuhkan sistem pemantauan dan pengurusan sistem penyampaian di PKD dengan penyediaan "*online helpdesk*".

6. Projek ini menampilkan PKD yang lengkap dan berteknologi dari sudut kemudahan dan kelengkapan ICT yang terkini selain mampu dijadikan pusat latihan komuniti secara maya (virtual) selain melahirkan masyarakat desa yang berkemahiran dalam pengurusan perniagaan secara dalam talian.

7. Aspek penyelenggaraan dan rekod pemantauan kelengkapan ICT juga dapat diuruskan dengan mudah dan lebih sistematik serta memastikan kelestarian dan jangka hayat peralatan ICT dapat digunakan secara optimum.

8. Memperluaskan perkhidmatan PKD, Program PKD Mobile siri ke empat tahun ini dianjurkan di Tampin, Negeri Sembilan selepas diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang dan di Niah, Sarawak dan lokasi akhir di Kunak, Sabah. Sebanyak 5 program PKD Mobile dirancang pada tahun ini.

9. Program PKD Mobile ini menjadi platform KKDW menyantuni penduduk luar bandar bagi mencapai Aspirasi Desa Makmur dengan lebih efisien.

-TAMAT

Disediakan Oleh
**Unit Komunikasi Korporat**
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**
**17 November 2024**

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

# LEMBARAN FAKTA

PKD yang dijenamakan semula pada 11 Oktober 2018 sebelum ini dikenali sebagai Medan Info Desa (MID) dan Mini Rural Transformation Centre (MRTC) di bawah inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS) untuk membawa perkhidmatan yang tersedia oleh agensi, jabatan kerajaan dan swasta ke kawasan luar bandar di seluruh pelosok negara selari dengan konsep PKD sebagai "Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan".

Pengoperasian PKD ini juga adalah selaras dengan hasrat dan inisiatif di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat desa terutama ke arah pendigitalan selari dengan dasar kerajaan di bawah Anjakan Strategi *Digital First* 2024-2025.

PKD juga berfungsi sebagai pusat pelbagai program/latihan/aktiviti komuniti yang memfokuskan pemerkasaan modal insan bagi memberi peluang dan pendedahan kepada masyarakat luar bandar meningkatkan kualiti hidup melalui pembangunan keupayaan dan pembudayaan keusahawanan menggunakan fasiliti serta kemudahan yang disediakan di PKD.

Sehingga 31 Oktober 2024, sejumlah 5,087 program pemerkasaan PKD yang meliputi kursus/latihan/aktiviti komuniti diadakan dengan penglibatan peserta sebanyak 93,947 orang terutama memfokuskan kepada masyarakat desa.

Ini termasuk Program PKD Mobile yang dianjurkan di kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan PKD bagi membolehkan masyarakat luar bandar berinteraksi secara langsung dan mendapatkan perkhidmatan PKD sedia ada atau yang terletak jauh dari bandar.

PKD Mobile diperkenalkan sebagai satu daripada program `quick wins' KKDW yang bertujuan memperluaskan perkhidmatan PKD sedia ada termasuk perkhidmatan jabatan kerajaan dan swasta dalam bentuk kaunter perkhidmatan dan kaunter bergerak ke kawasan luar bandar terpilih.

KKDW juga komited dalam mengurangkan ketidaksamaan dan memperkasakan masyarakat desa melalui pelbagai inisiatif digital dan pembangunan, peluang ekonomi dan akses kepada pendidikan serta kemudahan asas.

KKDW akan terus mengupayakan Kemampanan dan Daya Cipta masyarakat desa selari dengan Nilai Teras Malaysia MADANI dan aspirasi Desa MADANI dan misinya dalam memastikan setiap rakyat terutamanya masyarakat desa, menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan berkualiti.